

SABAH DEVELOPMENT CORRIDOR (SDC): IMPACT TO SABAH's PROSPERITY

Assoc. Prof. Dr. Hj. Kassim Hj. Md. Mansur
Universiti Malaysia Sabah

Economics Program, Business & Economics School

Dalam era globalisasi abad 21 ini, kita menyaksikan pendidikan tinggi sedang berkembang dengan pesatnya. Dalam hal ini pendidikan tinggi di Malaysia tidak terkecuali daripada arus perubahan ini. Dalam arus persaingan ekonomi global abad ini cabaran utama yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi negara ialah mengeluarkan siswazah yang terpelajar, yang berkualiti, berwibawa, berani dan mampu menghadapi cabaran dalam dunia realiti. Justeru itu, peranan universiti dalam mengisi keperluan melahirkan tenaga kerja yang terlatih dan terpelajar menjadi semakin penting dan rumit. Jika universiti ingin maju ke hadapan, dan meningkatkan daya saing dengan institusi pengajian tinggi di negara-negara maju yang lain, graduan kita mestilah terdiri daripada mereka yang cukup terlatih dan mahir di samping mempunyai mentaliti kelas pertama. Atas dasar ini pihak kerajaan telah melancarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), satu pelan strategik kearah kecemerlangan pengajian tinggi menjelang 2020.

Pengantarabangsaan pendidikan adalah antara teras PSPTN yang perlu ditangani dengan holistik. Dalam konteks SPE fokus utama pengantarabangsaan pengajian tinggi di UMS ialah pembangunan kurikulum yang bersifat antarabangsa dan bertaraf dunia. Senario ini tentunya merupakan satu lembaran baru di SPE. Dalam hal ini semua ahli akademik di SPE pastinya akan berdepan dengan senario baru ini. Dalam usaha mengurus perubahan seperti ini pengurusan bersama serta pengupayaan orang bawahan (capacity building) diberikan untuk mencari pendekatan-pendekatan baru ke arah pelaksanaan pengantarabangsaan pendidikan ini. Infrastruktur dan prasarana SPE mestilah memenuhi keperluan dasar pengantarabangsaan. Selaku dekan dan pentadbir pusat pengajian, kita mestilah sentiasa berani berdepan dan menangani sebarang perubahan. Sudah tentu dalam menangani perubahan ini sasaran utama perubahan ialah mempertingkatkan prestasi modal insan yang terdapat dalam universiti. Seterusnya pemantapan sistem penyampaian yang tersusun dan terancang seperti membina semangat kerja berpasukan, semangat kekitaan, dan mempunyai 'sense of urgency'. Perubahan tanpa bantuan ICT tidak akan dapat memberi impak kepada perubahan yang dicanangkan, justeru itu, kemampuan teknologi mempermudahkan sistem penyampaian dalam usaha mengeluarkan produk dan perkhidmatan.

Untuk melahirkan siswazah yang terpelajar dan berkualiti, SPE, UMS mestilah sanggup membuat perubahan. Perubahan-perubahan ini bukan sahaja perlu dilihat dari sudut perubahan struktur dan bentuknya sebagai sebuah badan pendidikan tinggi, tetapi juga daripada segi kurikulum dan penawaran kursus-kursus yang relevan bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Selain daripada itu SPE harus memberi keutamaan kepada peranan ICT dan modal insan itu sendiri.

Kesediaan pihak pengurusan SPE untuk menyahpusatan dengan mewujudkan unit-unit kecil dalam organisasi merupakan pendekatan baru menghadapi perubahan abad ini. Dengan sendirinya keputusan boleh dibuat dengan cepat dan tepat tanpa menunggu terlalu lama. Seperti yang kita sedia maklum bahawa abad ini, dunia sedang melalui proses gelombang ketiga. Abad yang sebelum ini manusia telah melalui gelombang pertama yang telah melahirkan masyarakat pertanian dan gelombang kedua melahirkan masyarakat industri berat. Dalam gelombang ketiga ini adalah hasil dari perubahan dalam kehidupan, perubahan pemikiran, perubahan informasi serta konflik yang diwujudkan oleh gelombang pertama dan kedua. Menyedari akan kesan perubahan teknologi ini, SPE kini dalam usaha meletakkan inovasi teknologi terkini sebagai satu alat untuk membolehkan berlaku anjakan paradigma ke arah meletakkan SPE terkehadapan.

Sesungguhnya pendidikan tinggi masa hadapan dijangkakan lebih kompleks, dan tidak mudah untuk dikawal kerana ianya berlaku seiring dengan perubahan teknologi dan masa. Manakala ahli akademik akan memberikan respon dengan cara pemikiran yang berbeza. Dalam hal ini SPE memfokus kepada usaha menstruktur persekitaran pembelajaran dengan membantu pelajar menggunakan maklumat dan bukan sekadar pengguna maklumat. Manakala konsep pembelajaran yang ada ialah berdasarkan kepada prinsip pensyarah sebagai pemudahcara dan pengantara kepada pengetahuan dan penyebaran ilmu, berorientasikan pelajar [student-centred learning], pembelajaran berorientasikan permasalahan [problem-based learning] dan pembelajaran berorientasikan topik [content-based learning].

Perubahan sikap dan strategi juga perlu ditangani dalam mencari sumber kewangan untuk membiayai program-program ataupun projek-projek yang boleh membawa pulangan yang menguntungkan kepada SPE

dan UMS umumnya. Sehubungan dengan ini SPE sedang mengorak langkah mewujudkan komuniti korporat dengan meningkatkan kerjasama dengan sektor korporat untuk mencari dana bagi menampung keperluan membiayai penyelidikannya. Usahamasa pihak swasta dengan universiti perlu digalakkan dan dipertingkatkan. Justeru itu, kemajuan teknologi perlu dipertingkatkan dan disebarluaskan penggunaanya dalam universiti. Perubahan juga harus difikirkan bagaimana untuk mempertingkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan ini seluruh kakitangan akademik di SPE telah menilai kembali kaedah dan cara-cara pengajaran dan pembelajarannya. Sebagai contoh, keciran pelajar Bumiputera di bidang pengajian bahasa Inggeris, sains dan matematik harus mendapat perhatian dan ditangani oleh semua pihak. Jika kaum Bumiputera ketinggalan dalam bidang-bidang ini akan menyulitkan mereka untuk bersaing dengan orang lain yang sudah jauh lebih maju. Wawasan 2020 tentulah tidak akan memberi erti jika pencapaian kaum Bumiputera tidak setara dengan pencapaian kaum-kaum lain di negara kita seperti di bidang profesional seperti kejuruteraan, perubatan, perakaunan pengurusan dan komunikasi. Pendekatan penyampaian ilmu kepada Bumiputera mestilah disesuaikan dengan sifat-sifat yang ada pada mereka. Pendekatan yang "orthodox" mungkin tidak sesuai dan cara-cara yang baru perlu diterokai. Penggunaan komputer dan animasi perlu dikaji untuk memudahkan penerapan ilmu oleh Bumiputera.

Pengalaman yang lepas menyaksikan SPE UMS telah melalui satu proses perubahan bukan sahaja dalam bentuknya tetapi juga pengisiannya. Tidak dapat dinafikan SPE berdepan dengan banyak perubahan yang mencabar dan memerlukan perancangan pengurusan yang mantap dan mampan. Dalam era globalisasi dimana ekonomi global berteraskan pengetahuan K-ekonomi, maka SPE perlu mempersiapkan diri berdepan dengan ledakan perubahan dalam semua aspek. Tugas utama sebagai ahli akademik dan pentadbir di SPE ialah mengeluarkan graduan yang berketerampilan, menghasilkan modal insan yang mampu mengisi keperluan industri masa depan dan mampu bersaing diperingkat global. Justeru itu, untuk memposisi SPE terkehadapan maka perubahan-perubahan yang berlaku abad ini mestilah ditangani dengan berperancang, berhemah dan mengaplikasi kaedah-kaedah pengurusan perubahan yang terkini dalam usaha untuk menjadikan SPE bertaraf dunia.